




# BAHAN BACAAN

## HADAPI SOALAN ESEI BAHAGIAN B PENDIDIKAN MORAL SPM 2023 [ EDISI PERTAMA ]

KOMPILASI INI DITUJUKAN KHAS BUAT TATAPAN  
MURID-MURID SMK PUSAT BANDAR PUCHONG (1)



BAHAN EDARAN DALAMAN SAHAJA

25 SOALAN ESEI  
BHG B dengan  
Cadangan Jawapan.

Bantu Anda Kuasai  
Isu Semasa &  
Isu Buku Teks serta  
Fakta Buku Teks.

CONFIRM RUGI  
KALAU TAK BACA !!!

READING is a  
basic tool  
in the living of  
A GOOD LIFE.

The more that you  
READ the more things  
you will KNOW.  
NEVER GIVE UP !!!

INISIATIF

**V.T. SURESH**  
GURU  
MATA PELAJARAN  
PENDIDIKAN MORAL

## KANDUNGAN BAHAN BACAAN

SOALAN	UNIT	ISU	MUKASURAT
s1	Norma masyarakat	Langkah Mempopularkan Permainan Tradisional.	1
s2	Norma masyarakat Individu Global	Kebaikan Perkhidmatan Penghantaran Makanan.	2
s3	Norma masyarakat	Kesan Pengabaian Pembelajaran Secara Atas Talian.	3
s4	Norma masyarakat	Manfaat Pembelajaran Secara Atas Talian.	4
s5	Norma masyarakat	Cabaran Perlaksanaan Pembelajaran Secara Atas Talian.	5
s6	Norma masyarakat	Penggunaan Gajet Di Meja Makan.	6
s7	Berperikemanusiaan	Punca Berlakunya Kes Pembuangan Bayi.	7
s8	Berperikemanusiaan	Usaha Mengatasi Kes Pembuangan Bayi.	8
s9	Berperikemanusiaan	Kesan Pengabaian Sikap Berperikemanusiaan Terhadap Kanak-Kanak.	9
s10	Berperikemanusiaan	Peranan Pelbagai Pihak Dalam Tangani Kes Penderaan Kanak-Kanak.	10
s11	Berperikemanusiaan	Punca Penderaan Kanak-Kanak.	11
s12	Kedaulatan Negara	Kesan Pengabaian Tanggungjawab Mempertahankan Kedaulatan Negara.	12
s13	Nilai Kerohanian	Implikasi Pengabaian Nilai Kerohanian dan Masalah Sosial Remaja.	13
s14	Prinsip keadilan dan keprihatinan	Isu Ibu Curi Susu.	14
s15	Integriti Keluarga	Pengabaian Warga Emas dan Cara Eratkan Hubungan Dengan Ibu Bapa.	15
s16	Keunikan Rakyat Malaysia	Keunikan Rakyat Malaysia dan Cara Jaga Sensitiviti Masyarakat.	16
s17	Integriti Individu	Langkah Atasi Amalan Rasuah Dalam Kalangan Masyarakat.	17
s18	Norma Masyarakat & Berperikemanusiaan	Langkah Masyarakat Global Dalam Menjamin Kelestarian Alam.	18
s19	Norma Masyarakat & Kedaulatan Negara	Budaya Hedonisme dan Isu Kedaulatan.	19
s20	Program Komuniti	Cara Menjayakan Program Komuniti.	20
s21	Hubungan Antarabangsa	Cara Menyokong Hubungan Antarabangsa.	21
s22	Kerjasama Masyarakat Global	Kesan Pengabaian Kerjasama Dalam Masyarakat Global	22
s23	Nilai Kerohanian	Cara Meningkatkan Nilai Kerohanian	23
s24	Prinsip Keadilan dan Prinsip Keprihatinan	Keprihatinan dan Isu Keldai Dadah	24
s25	Integriti Negara	Ciri Tadbir Urus Yang Baik	25

## LANGKAH MEMPOPULARKAN PERMAINAN TRADISIONAL

- 1 Gambar berikut menunjukkan beberapa jenis permainan tradisional yang semakin dilupakan oleh masyarakat hari ini.



Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan pelbagai jenis permainan tradisional seperti tingting, gasing, sepak raga, dan sebagainya. Permainan ini amat popular pada suatu masa dahulu. Namun begitu, permainan ini semakin dilupakan oleh masyarakat sejak kemunculan pelbagai peranti elektronik yang canggih. Masyarakat hari ini lebih gemar bermain permainan video berbanding dengan permainan tradisional. Mereka tidak menyedari bahawa permainan tradisional merupakan khazanah warisan yang perlu dipelihara.

- i. Berikan **dua** contoh permainan tradisional lain yang terdapat di negara kita. [2 markah]
- ii. Pada pendapat anda, apakah langkah mempopularkan semula permainan tradisional agar tidak ditelan zaman? [8 markah]

### Cadangan Jawapan

#### ARAS 4 : CALON CEMERLANG

- i. Dua contoh permainan tradisional lain adalah **guli** dan **congkak**.  
[Batu Seremban, Galah Panjang, Konda Kondi]
- ii. Langkah pertama, **ibu bapa harus memperkenalkan permainan tradisional kepada anak-anak mereka**.  
Perkara ini, perlu dilakukan kepada anak-anak yang baru setahun jagung. Peribahasa Melayu berkata, melentur buluh biarlah dari rebungnya.  
**Contohnya**, ibu bapa boleh hadiahkan alat permainan tradisional seperti congkak sebagai hadiah hari lahir dan bawa mereka ke muzium atau pameran permainan tradisional.  
**Jelaslah bahawa**, ibu bapa mainkan peranan penting bagi membuka mata golongan muda terhadap keunikan permainan tradisional.

Langkah kedua, **kerajaan dan NGO perlu menganjurkan pertandingan permainan tradisional di setiap peringkat**.

Untuk menyertai dan memenangi satu pertandingan peserta perlu didedahkan dengan peraturan dan teknik permainan yang betul.

Maka, usaha ini memerlukan peserta untuk mendapatkan khidmat jurulatih lazimnya, penggiat permainan tradisional yang bertauliah.

**Misalnya**, untuk beraksi dalam pertandingan gasing peringkat daerah, para pemain perlu jurulatih bertauliah untuk tunjukkan demo atau cara untuk melawan gasing pasukan pesaing mereka.

**Kesimpulannya**, langkah memperkasa permainan tradisional dapat menaikkan semula kemasyhurannya seperti waktu dahulu kala.

### Cadangan Jawapan

#### ARAS 2 : CALON LULUS

- i. Dua contoh permainan tradisional lain adalah **guli** dan **congkak**.
- ii. Langkah pertama, **ibu bapa mesti ajar anak mereka permainan tradisional**.  
**Contohnya**, ibu bapa boleh beli congkak untuk hari jadi anak mereka.

Langkah kedua, **kerajaan mesti buat pertandingan permainan tradisional**.  
**Contohnya**, buat pertandingan kabaddi peringkat daerah untuk murid sekolah.

## KEBAIKAN PERKHIDMATAN PENGHANTARAN MAKANAN

- 2 Gambar yang berikut berkaitan perkhidmatan penghantaran makanan yang kini menjadi trend dan merupakan sebahagian amalan **norma masyarakat** dalam kalangan masyarakat di Malaysia.



- (a) Jelaskan maksud **norma masyarakat**. [2 markah]
- (b) Sejauh manakah perkhidmatan penghantaran makanan ini dapat memberikan **kebaikan kepada pihak penghantar makanan** dan juga para **pelanggan**? [8 markah]

### Cadangan Jawapan

### ARAS 4 : CALON CEMERLANG

- (a) Norma masyarakat adalah **perilaku atau tindakan yang diterima sebagai amalan dalam sesuatu kelompok, komuniti atau budaya**.

- (b) Kebaikan pertama , perkhidmatan ini **dapat membuka peluang pekerjaan yang banyak**.

Perkhidmatan ini , memerlukan ramai penghantar makanan (rider) supaya dapat memenuhi pesanan pelanggan yang semakin meningkat.

Dengan ini , pihak penghantar dapat menambah sumber pendapatan individu dan keluarganya.

**Sebagai contoh** , perkhidmatan ini dapat melatih golongan muda untuk mencari sumber kewangan tambahan sambil belajar bagi bantu mereka biayai kos pengajian tinggi tanpa bergantung kepada ibubapa.

**Tuntasnya** , servis penghantaran makanan telah membuka ruang rezeki kepada golongan muda negara.

Kebaikan kedua , perkhidmatan ini **dapat memudahkan pelanggan untuk beli makanan**. Pelanggan dapat jimatkan masa , tenaga dan kos untuk mendapatkan makanan kegemaran mereka.

Ini bermakna , pelanggan tidak perlu keluar rumah, pandu kereta , terperangkap dalam kesesakan lalulintas atau berhempas pulas cari tempat letak kereta.

**Tamsilnya** , pelanggan dapat pilih dan beli pelbagai jenis makanan dari banyak kedai pada masa yang sama dengan mudah menerusi aplikasi di telefon pintar mereka.

**Pendek kata** , pelanggan mudah uruskan pembelian makanan dengan hanya beberapa klik pada peranti pintar mereka.

### Cadangan Jawapan

### ARAS 2 : CALON LULUS

- (a) Norma masyarakat adalah **perilaku atau tindakan yang diterima sebagai amalan dalam sesuatu kelompok, komuniti atau budaya**.


- (b) Kebaikan pertama , **pihak penghantar makanan dapat pekerjaan**. Nanti , mereka dapat pendapatan untuk diri dan keluarga mereka.

Kebaikan kedua , **pelanggan senang beli makanan**.

Mereka boleh guna telefon pintar sahaja tidak perlu keluar dari rumah untuk beli makanan.

## KESAN PENGABAIAN PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN

- 3 Gambar berikut menunjukkan contoh **norma masyarakat** baharu yang mula dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam sistem pendidikan negara iaitu pembelajaran secara atas talian.



Pelaksanaan pembelajaran secara atas talian telah lama dipraktikkan di negara-negara maju kerana ia dipercayai mampu membawa pelbagai manfaat. Namun di Malaysia pelaksanaan pembelajaran secara atas talian hanya menjadi keperluan mendesak ketika negara bergelut dengan masalah penularan pandemik Covid-19 yang amat meruncing.

Apakah yang akan terjadi **sekiranya pembelajaran secara atas talian ini diabaikan oleh murid-murid** semasa tempoh penularan Covid-19. Jawapan anda hendaklah berdasarkan **nilai-nilai universal** yang telah dipelajari. [10 markah]

### Cadangan Jawapan

#### ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Murid-murid harus mengamalkan nilai rasional, nilai bertanggungjawab dan nilai kerajinan.

Kesan pertama, **murid-murid akan ketinggalan dalam pelajaran.**

Murid-murid tidak dapat fahami isi kandungan pelajaran mereka.

Hal ini akan rumitkan tugas guru kerana terpaksa ulang kembali pelajaran yang tertinggal dan tidak difahami oleh murid berkenaan.

**Sebagai contoh impak**, murid tidak dapat jawab soalan peperiksaan dengan baik.

**Ironinya**, pencapaian akademik murid akan terus merosot jika mereka tidak respon langsung kepada PDPR.

Kesan kedua, **imej murid-murid berkenaan akan terjejas.**

Imej mereka tercalar kerana tidak mengambil inisiatif untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian.

Masyarakat sekeliling akan pandang rendah terhadap murid berkenaan dan sering dilabel sebagai sampah masyarakat.

**Misalnya**, murid yang curahkan usaha untuk ikuti kelas atas talian dapat perolehi keputusan baik dan seterusnya dapat masuk ke IPT dan sebaliknya berlaku kepada murid yang gagal ikuti kelas.

**Kesudahannya**, masyarakat akan terus pandang serong terhadap murid yang keciciran pembelajaran.

### Cadangan Jawapan

#### ARAS 2 : CALON LULUS

Murid-murid harus amalkan nilai rasional, nilai bertanggungjawab dan nilai kerajinan.

Kesan pertama, **murid-murid tidak faham akan pelajaran mereka.**

Nanti murid tidak dapat jawab soalan ujian dan dapat markah rendah.

Kesan kedua, **murid tidak boleh masuk universiti.**

Bila keputusan tidak baik, murid tidak boleh mohon universiti.

## MANFAAT PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN

- 4 Gambar berikut menunjukkan contoh **norma masyarakat** baharu yang mula dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia dalam sistem pendidikan negara iaitu pembelajaran secara atas talian.



Pelaksanaan pembelajaran secara atas talian telah lama dipraktikkan di negara-negara maju kerana ia dipercayai mampu membawa pelbagai manfaat. Namun di Malaysia pelaksanaan pembelajaran secara atas talian hanya menjadi keperluan mendesak ketika negara bergelut dengan masalah penularan pandemik Covid-19 yang amat meruncing.

Huraikan **manfaat pembelajaran secara atas talian kepada murid dan guru sekolah.**

[10 markah]

**Cadangan Jawapan**

**ARAS 4 : CALON CEMERLANG**

**Manfaat pertama , pembelajaran secara atas talian mampu menarik minat murid untuk belajar.**

Ini kerana pembelajaran dalam talian lebih bersifat interaktif kerana ia berbentuk multimedia iaitu gabungan teks , grafik , bunyi , video dan animasi.

Selain itu , sumber bacaan atas talian tidak terhad dan murid mudah perolehi sebarang maklumat dalam jangka waktu yang pendek.

**Misalnya** , murid boleh mencari sendiri maklumat lebih lanjut tentang sesuatu topik yang dipelajari untuk menambahkan kefahaman mereka dengan menggunakan enjin carian seperti Google dan Yahoo.

**Secara total** , semua aplikasi ini boleh meningkatkan mood serta keseronokan murid untuk belajar.

**Manfaat kedua , ia dapat membantu guru untuk menyampaikan ilmu dengan cara yang lebih mudah serta interaktif.**

Guru hanya perlu membina akaun aplikasi berkaitan dengan pendidikan atas talian seperti Google Classroom, Zoom, Google Meet, Google Form, Youtube dan sebagainya.

Selain itu , guru boleh gunakan kaedah penilaian digital seperti kuiz maya, demonstrasi maya, penceritaan digital, video pembentangan dan sebagainya untuk menilai tahap pembelajaran murid secara berterusan.

**Biar kita ambil contoh lagi** , guru boleh merakam pengajaran mereka dalam kelas maya dan ianya boleh dimainkan semula oleh murid secara berulang kali sehingga mereka benar-benar memahami isi kandungan pelajaran yang telah habis diajar oleh guru.

**Intihanya** , guru akan berpeluang untuk berfikir di luar kotak dan menghasilkan bahan pengajaran yang terbaik dengan menggunakan teknologi yang ada dewasa ini.

**Cadangan Jawapan**

**ARAS 2 : CALON LULUS**

**Manfaat pertama , murid dapat belajar semasa PKP.**

Nanti murid tidak ketinggalan dan boleh buat peperiksaan SPM dengan baik.

**Manfaat kedua , guru dapat ajar murid kelas peperiksaan.**

Guru boleh rekod kelas mereka dan hantar kepada murid.

## **CABARAN PERLAKSANAAN PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN**

- 5 Maklumat di bawah berkaitan dengan norma masyarakat yang baharu.

Pembelajaran atas talian menjadi sesuatu yang tidak asing lagi buat kita semenjak wabak Covid-19 melanda dunia, malah diklasifikasi sebagai norma masyarakat yang baharu. Platform untuk menjalankan pembelajaran atas talian terlalu banyak, namun untuk melaksanakannya tak semudah yang kita sangka.

Terangkan **cabaran pelaksanaan pembelajaran atas talian** di Malaysia. [10 markah]

### **Cadangan Jawapan**

## **ARAS 4 : CALON CEMERLANG**

Cabaran pertama , **kekurangan peranti.**

Apabila kerajaan isytiharkan penutupan sekolah dan pembelajaran harus dilakukan menerusi atas talian , ramai ibu bapa mula resah.

Ini kerana bukan semua ibu bapa berkemampuan untuk membeli peranti bagi semua anak mereka yang bersekolah.

**Misalnya** , anak-anak yang tergolong dalam keluarga kategori B40 terpaksa berkongsi peranti secara bergilir-gilir untuk sertai kelas atas talian.

**Secara kesimpulannya** , cabaran ini menyebabkan ramai murid tidak dapat menghadiri kelas dan ketinggalan dalam pembelajaran.

Cabaran kedua , **masalah capaian internet.**

Semua platform pembelajaran atas talian menggunakan teknologi sidang video yang memerlukan internet berkelajuan tinggi yakni menggunakan banyak data.

Ini ditambah dengan kekangan masih terdapat banyak kawasan pendalaman di negara kita yang sukar mendapat akses internet berkelajuan tinggi.

**Tamsilnya** , cabaran ini terus menghantui keluarga B40 yang rata-rata sukar untuk mengeluarkan wang untuk naik taraf kelajuan internet di rumah mereka.

**Secara konklusinya** , cabaran ini terus menjadi salah satu blok penghalang terbesar untuk melaksanakan pembelajaran atas talian dalam negara kita.

### **Cadangan Jawapan**

## **ARAS 2 : CALON LULUS**

Cabaran pertama , **masalah gajet.**


Ibu bapa miskin tidak mampu beli gajet untuk semua anak mereka.

Cabaran kedua , **masalah internet.**

Murid tinggal di kampung susah dapat internet.

## PENGGUNAAN GAJET DI MEJA MAKAN

- 6 Gambar di bawah berkaitan dengan perubahan norma masyarakat di meja makan.



Raja dan Rani sering bermain gajet di meja makan.

Apakah **perasaan** anda selepas melihat suasana di atas? Berikan **justifikasi** anda.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

### ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Saya berasa **sedih**. Justifikasi saya.

Sebab pertama , **anak-anak tidak patuhi adab di meja makan.**

Anak-anak sepatutnya fahami dan amalkan norma ketika berada di meja makan.

Anak-anak patut berdisiplin dan beri perhatian ketika makan bersama anggota keluarga yang lain.

**Misalnya** , anak-anak patut beri keutamaan kepada ahli keluarga lebih tua dan bantu mereka ambil makanan terlebih dahulu.

**Kesannya** , tindakan anak-anak terlalu asyik dengan gajet berupaya untuk merenggangkan hubungan kekeluargaan.

Sebab kedua , **ibu bapa tidak bersikap tegas.**

Ibu bapa patut berani tegur sikap anak-anak mereka yang keterlaluan dan asyik dengan gajet.

Ibu bapa harus mengorak langkah untuk mengawal penggunaan gajet secara berlebihan dalam kalangan anak-anak mereka.

**Misalnya** , ibu bapa tegas dan tetapkan peraturan larangan guna gajet semasa waktu keluarga seperti waktu makan atau ketika berkumpul di ruang tamu.

**Dengan ini** , ibu bapa patut mula tunjukkan keseriusan mereka dengan hentikan sikap anggap situasi ini sebagai sesuatu yang lumrah dalam anak-anak zaman sekarang.

Cadangan Jawapan

### ARAS 2 : CALON LULUS

Saya berasa **sedih**. Justifikasi saya.

Sebab pertama , **anak-anak tidak ikut adab di meja makan.**

Mereka patut disiplin semasa makan bersama anggota keluarga.

Sebab kedua , **ibu bapa tidak tegas.**

Ibu bapa patut buat peraturan larang guna gajet semasa makan.

### **PUNCA BERLAKUNYA KES PEMBUANGAN BAYI**

- 7 Membuang bayi adalah salah satu sifat yang tidak berperikemanusiaan kerana boleh dianggap sebagai kesalahan membunuh.
- (a) Apakah maksud **perikemanusiaan**? [2 markah]
- (b) Pada pendapat anda, apakah **punca-punca berlakunya kes pembuangan bayi**? [8 markah]

#### **Cadangan Jawapan**

### **ARAS 4 : CALON CEMERLANG**

- (a) Perikemanusiaan adalah **sifat yang wajar bagi manusia seperti bertimbang rasa, tolong-menolong dan mengasihani.**
- (b) Punca pertama , **pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan.**  
Hal ini mendorong mereka terpengaruh oleh hawa nafsu semata-mata. Mereka akan terlanjur jalinkan hubungan seks tanpa ikatan yang sah dan si perempuan mengandung anak luar nikah.  
**Tamsilnya** , pasangan muda akan temui jalan buntu dan akan bertindak buang bayi kerana tidak mahu pikul obligasi ke atas bayi tersebut.  
**Jelaslah bahawa** , pergaulan bebas boleh mengundang gejala zina , mengandung anak luar nikah dan insiden buang bayi.

#### **Punca kedua , mudah akses kepada bahan lucah.**

Penggunaan gajet dan telefon pintar secara meluas memudahkan golongan muda akses kepada laman lucah.

Hal ini ditambah dengan ketiadaan kaedah yang boleh mengesahkan umur pengguna untuk akses kandungan dewasa dalam laman web.

**Misalnya** , kajian menunjukkan golongan muda yang sering melayari laman lucah mudah meniru perlakuan yang ditonton dan terjebak dalam jenayah seksual seperti rogol dan sumbang mahram sehingga mengandung anak luar nikah.

**Ironinya** , pendedahan berleluasa kepada bahan lucah mengakibatkan jenayah seksual yang akhirnya berkesudahan dengan kes pembuangan bayi.

#### **Cadangan Jawapan**

### **ARAS 2 : CALON LULUS**

- (a) Perikemanusiaan adalah **sifat yang wajar bagi manusia seperti bertimbang rasa, tolong-menolong dan mengasihani.**
- (b) Punca pertama , **pergaulan bebas antara lelaki dan perempuan.**  
Nanti perempuan mengandung anak tanpa kahwin.

#### **Punca kedua , masalah kewangan.**

Ibu bapa muda tiada kerja dan wang untuk jaga anak baru lahir.

### USAHA MENGATASI KES PEMBUANGAN BAYI

- 8 Kes pembuangan bayi di Malaysia terutamanya dalam kalangan remaja, masih berleluasa walaupun kita sudah memasuki 2020.

Terangkan **usaha** yang perlu dilakukan **untuk mengatasi** isu sosial ini sebelum ianya menjadi lebih serius. [10 markah]

Cadangan Jawapan

#### **ARAS 4 : CALON CEMERLANG**

Usaha pertama , **ibu bapa perlu beri belaian dan perhatian yang mencukupi kepada anak-anak mereka.**

Ibu bapa perlu luangkan masa berkualiti dengan anak-anak mereka. Selain itu , ibu bapa perlu beri didikan agama yang sempurna kepada anak-anak mereka.

**Sebagaimana yang kita sedia maklum** , didikan agama mampu berfungsi sebagai benteng yang ampuh untuk elakkan anak-anak terjebak dalam kancan maksiat dan mengandung anak luar nikah.

**Konklusinya** , perhatian serius ibu bapa dalam menyuluh lampu ke jalan yang betul akan bantu anak-anak mereka hindari diri daripada isu sosial ini.

Usaha kedua , **pihak kerajaan dan badan NGO perlu mengadakan kempen kesedaran.**

Pihak berkuasa seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat mesti mengadakan kempen kesedaran 'Mencegah Kehamilan Remaja dan Pembuangan Bayi'. Selain itu , Jabatan Kebajikan Masyarakat dan badan-badan NGO perlu sediakan pusat perlindungan yang boleh dijadikan tempat rujukan bagi remaja yang mengandung anak luar nikah untuk mendapatkan khidmat nasihat dan bimbingan yang sewajarnya.

**Antaranya adalah seperti** , mempromosikan poster dan infografik berhubung talian hotline Talian Kasih untuk tangani isu ini secara efektif dan holistik.

**Intihanya** , pihak kerajaan dan pihak NGO harus bersama-sama berganding bahu bagi atasi isu ini sebelum ianya menjadi lebih serius.

Cadangan Jawapan

#### **ARAS 2 : CALON LULUS**

Usaha pertama , **ibu bapa mesti beri didikan agama kepada anak mereka.** Nanti , mereka tidak amalkan pergaulan bebas dan tidak mengandung anak sebelum kahwin.

Usaha kedua , **kerajaan mesti buat kempen kesedaran.** Kerajaan buat poster dan infografik untuk atasi masalah remaja.

## **KESAN PENGABAIAAN SIKAP BERPERIKEMANUSIAAN TERHADAP KANAK-KANAK**

- 9 Marcapada ini, kes penderaan kanak-kanak semakin mencatatkan angka yang membimbangkan, bagai cendawan tumbuh selepas hujan. Media massa tidak terlepas daripada memaparkan isu penderaan yang sering dilakukan oleh ibu bapa kandung kanak-kanak itu sendiri.

Ramalkan kesan sekiranya berlaku pengabaian sikap berperikemanusiaan terhadap kanak-kanak dalam kalangan masyarakat kita. [10 markah]

### **Cadangan Jawapan**

## **ARAS 4 : CALON CEMERLANG**

Kesan pertama , pegangan agama dan nilai moral dalam kehidupan masyarakat terus goyah.

Lantas, kes penderaan kanak-kanak akan terus meningkat dan hak kanak-kanak tidak terbela.

Penderitaan berterusan akan menyebabkan mangsa alami kemurungan yang agak teruk.

Misalnya , media tempatan pernah mendedahkan kejadian cubaan membunuh diri oleh seorang kanak-kanak berusia 10 tahun apabila sering didera oleh ayah kandungnya.

Rumusannya , pengabaian sikap berperikemanusiaan berupaya melunturkan nilai moral masyarakat sehingga mereka tergamak menzalimi kanak-kanak yang tidak berdosa.

Kesan kedua , mangsa dera akan menanggung kecederaan yang serius pada tubuh badannya.

Hal ini dikatakan demikian kerana banyak kes penderaan yang dilaporkan melibatkan penggunaan objek keras dan tumpul sebagai senjata.

Mangsa dera ditampar , disepak dan dipukul dengan menggunakan rotan , kayu serta tali pinggang oleh ibu bapa mereka sendiri.

Contohnya , kajian mendapati bahawa kanak-kanak yang didera lebih berisiko untuk alami beberapa masalah kesihatan dalam jangka masa panjang seperti serangan jantung , tekanan darah tinggi , kegagalan paru-paru dan sebagainya.

Jelaslah bahawa , perbuatan kejam ini bukan sahaja mencederakan tubuh kanak-kanak secara luaran , malah boleh juga merosakkan fungsi organ dalaman mereka.

### **Cadangan Jawapan**

## **ARAS 2 : CALON LULUS**

Kesan pertama , pegangan agama masyarakat terjejas.


Nanti kes penderaan kanak-kanak meningkat.

Kesan kedua , kanak-kanak alami tekanan jiwa.

Nanti masa depan kanak-kanak terjejas.

## PERANAN PELBAGAI PIHAK DALAM TANGANI KES PENDERAAN KANAK-KANAK

10 Gambar di bawah tentang kes penderaan kanak-kanak.



Huraikan peranan pelbagai pihak dalam menangani kes penderaan kanak-kanak yang kian meningkat. [10 markah]

Cadangan Jawapan

### ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Peranan pertama , kerajaan perlu kuatkuasa undang-undang untuk melindungi kanak-kanak.

Sejajar dengan ini , kerajaan harus mengenakan hukuman lebih berat terhadap pendera.

Melalui langkah ini , sekurang-kurangnya ia dapat menakutkan masyarakat untuk tidak lakukan perbuatan mendera kanak-kanak.

Misalnya , kerajaan boleh memanjangkan tempoh masa hukuman penjara , tingkatkan amaun denda dan memperkenalkan hukuman sebatan rotan terhadap pendera.

Secara kesimpulannya , tindakan undang-undang dan hukuman yang tegas akan mendorong masyarakat supaya menjauhi amalan mendera kanak-kanak.

Peranan kedua , badan NGO perlu berganding bahu dengan agensi kerajaan untuk melancarkan kempen kesedaran anti penderaan kanak-kanak.

Badan NGO harus menyeru pihak media dan anggota masyarakat untuk berkongsi info kempen kesedaran melalui media sosial.

Melalui kempen , NGO dapat merangsang masyarakat untuk berani tampil ke depan untuk membuat aduan jika mengetahui ada kes penderaan kanak-kanak.

Tamsilnya , banyak tindakan pantas masyarakat membuat laporan telah membantu pihak berkuasa untuk menyelamatkan ramai kanak-kanak daripada terus didera.

Pendek kata , kempen kesedaran dapat berfungsi sebagai wahana efektif untuk menghalang kes penderaan dari terus berleluasa dalam kalangan masyarakat kita.

Cadangan Jawapan

### ARAS 2 : CALON LULUS

Peranan pertama , kerajaan perlu kuatkuasa undang-undang.

Kerajaan mesti beri hukuman lebih berat kepada pendera kanak-kanak.

Peranan kedua , masyarakat perlu buat laporan polis bila nampak kes dera.

Ini bantu polis selamatkan kanak-kanak daripada terus didera.

### PUNCA PENDERAAN KANAK-KANAK

- 11 Kanak-kanak merupakan anugerah Tuhan yang amat berharga kepada setiap pasangan suami isteri. Malangnya, sekarang kita sering mendengar pelbagai kes penderaan kanak-kanak yang berlaku di sana sini.

Huraikan pendapat anda, tentang punca-punca penderaan kanak-kanak.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

**ARAS 4 : CALON CEMERLANG**

Punca pertama , ibu bapa menghadapi tekanan di tempat kerja.

Mereka diberi tekanan oleh pihak majikan supaya meningkatkan produktiviti dan mencapai sasaran kerja.

Stres di tempat kerja dibawa balik ke rumah di mana mereka terpaksa menghadapi kerenah anak-anak yang lazimnya melakukan kesalahan-kesalahan kecil.

Antaranya adalah seperti , anak-anak kecil kuat merajuk dan menangis sepanjang waktu.

Tuntasnya , ketegangan tempat kerja menyebabkan ibubapa melepaskannya ke atas anak-anak mereka yang tidak berdosa.

Punca kedua , konflik antara suami dan isteri.

Hal ini berlaku apabila suami mula abaikan kewajipan terhadap keluarga setelah mendapat kekasih baharu.

Suami dan isteri tidak sehaluan akan bercerai dan akan berkahwin lagi, lantas kanak-kanak terpaksa terima ibu tiri dan ayah tiri.

Tamsilnya , ketidakserasian kanak-kanak dengan ibu bapa tiri akan mengundang kejadian penderaan kerana kanak-kanak berkenaan bukan anak kandung mereka.

Jelaslah bahawa , jika pergaduhan tercetus antara suami isteri sudah pasti anak-anak akan menjadi mangsanya.

Cadangan Jawapan

**ARAS 2 : CALON LULUS**

Punca pertama , ibu bapa hadapi tekanan di tempat kerja.

Tekanan ini dilepaskan ke atas anak.

Punca kedua , konflik suami dan isteri.

Suami dan isteri gaduh nanti anak-anak jadi mangsa.

**KESAN PENGABAIAAN TANGGUNGJAWAB MEMPERTAHANKAN KEDAULATAN NEGARA**

- 12 Kedaulatan merupakan perkara asas dalam sesebuah negara. Langkah mempertahankan kedaulatan negara menjadi tanggungjawab setiap warganegara. Kealpaan dan kegagalan mempertahankan kedaulatan negara boleh mendatangkan pelbagai kesan buruk yang menjejaskan kedudukan negara.

Huraikan kesan pengabaian tanggungjawab mempertahankan kedaulatan negara. [10 markah]

Cadangan Jawapan

**ARAS 4 : CALON CEMERLANG**

**Kesan pertama, rakyat Malaysia khususnya anak muda akan lupakan tradisi dan norma masyarakat.**

Anak muda tempatan mudah terpengaruh dengan norma kebaratan yang mementingkan keseronakan dan kebebasan mutlak.

Dengan ini, anak-anak muda tempatan hilang jati diri mereka dan mula agungkan budaya luar.

**Misalnya**, segelintir warganegara Malaysia mula menyeru kerajaan supaya mengiktiraf kesamaan hak LGBT.

**Jelaslah bahawa**, kealpaan rakyat pelihara kedaulatan negara akan membawa kepada kehancuran nilai tradisi dan norma masyarakat tempatan kita.

**Kesan kedua, perpaduan dan keharmonian rakyat terjejas.**

Rakyat saling bermusuhan akibat terpedaya dengan penularan berita bersifat perkauman melampau di ruang siber.

Selain itu, rakyat tidak puas hati disebabkan pembahagian dalam sektor ekonomi yang tidak adil untuk mereka.

**Sebagai contoh**, peristiwa 13 Mei 1969 di mana rusuhan kaum telah berlaku akibat ketidakadilan dalam arus aktiviti ekonomi di mana ianya dipisahkan mengikut kaum.

**Ringkasnya**, rakyat harus hidup bersatu padu kerana hanya melalui perpaduan bangsa Malaysia kedaulatan negara kita dapat dikekalkan.

Cadangan Jawapan

**ARAS 2 : CALON LULUS**

**Kesan pertama, anak muda Malaysia akan lupa tradisi dan norma masyarakat.** Mereka hilang jati diri dan agungkan budaya luar.

**Kesan kedua, perpaduan rakyat terjejas.**

Rakyat hidup bermusuhan akibat berita perkauman di media sosial.

### IMPLIKASI PENGABAIAN NILAI KEROHANIAN DAN MASALAH SOSIAL REMAJA

- 13 Gambar di bawah berkaitan dengan masalah sosial dalam kalangan remaja.



- (a) Apakah **perasaan** anda apabila membaca dan melihat masalah sosial yang melibatkan golongan remaja? Berikan alasan anda. [2 markah]
- (b) Jelaskan **implikasi pengabaian nilai kerohanian** dalam diri individu sebegini. [8 markah]

#### Cadangan Jawapan

#### ARAS 4 : CALON CEMERLANG

- (a) **Saya berasa sedih.**  
Masalah sosial dalam kalangan remaja di negara kita semakin meruncing dan ini boleh menghancurkan masa depan mereka.
- (b) Implikasi pertama , **remaja akan mengubah gaya hidup mereka melampaui landasan agama.**  
Ini kerana mereka tidak mempunyai didikan agama dan moral yang mendalam. Maka mereka tidak takut pada dosa atau pembalasan Tuhan di atas perbuatan mereka.  
**Sebagai contoh** , remaja perempuan mengandung anak luar nikah akibat pergaulan bebas dan bertindak tidak berperikemanusiaan lalu membuang anak yang baru dilahirkan.  
**Kesimpulannya** , remaja yang abaikan nilai kerohanian akan mengingkari perintah agama semata-mata untuk mencari keseronokan mutlak.
- Implikasi kedua , **remaja akan mengetepikan nasihat orang tua dan anggota keluarga.**  
Mereka akan bersikap individualistik dan bertindak atas pertimbangan diri sendiri. Mereka sangat mementingkan keseronokan hidup dan terikut-ikut dengan sikap rakan sebaya mereka yang negatif dan mula melakukan perkara tidak berfaedah.  
**Antaranya** , mereka akan terlibat dalam penagihan atau penyalahgunaan dadah.  
**Secara konklusinya** , faktor pengabaian nilai kerohanian akan menyebabkan remaja tidak mentaati ibu bapa dan anggota keluarganya.

#### Cadangan Jawapan

#### ARAS 2 : CALON LULUS

- (a) **Saya sedih.**  
Masa depan remaja Malaysia terjejas.
- (b) Implikasi pertama , **remaja akan ubah gaya hidup dan tidak ikut ajaran agama.**  
Remaja perempuan mengandung akibat pergaulan bebas dan buang anak.
- Implikasi kedua , **remaja tidak ikut nasihat ibu bapa dan orang tua.**  
Mereka terlibat dalam salahguna dadah.

## PRINSIP KEADILAN DAN PRINSIP KEPRIHATINAN – ISU IBU CURI SUSU

- 14 Gambar menunjukkan kejadian yang berlaku di Malaysia.



- (a) Nyatakan **nilai universal** yang patut dipraktikkan oleh pekedai yang terlibat. [2 markah]
- (b) Apakah **tindakan** yang patut diambil oleh pekedai tersebut? Justifikasi jawapan anda berdasarkan **prinsip keadilan atau prinsip keprihatinan**. [8 markah]

### Cadangan Jawapan

### ARAS 4 : CALON CEMERLANG

- (a) Pekedai harus praktikkan **nilai rasional** dan **nilai bertanggungjawab**.
- (b) Tindakan pertama , **pekedai tersebut berdasarkan prinsip keprihatinan adalah memaafkan ibu muda secara ikhlas**.  
Ini kerana pekedai ingin elakkan ibu muda daripada menjadi mangsa keadaan. Pekedai harus tunjukkan sikap simpati terhadap ibu muda yang hilang akal dan terpaksa mencuri susu demi anaknya yang kelaparan.  
**Misalnya** , pekedai boleh ambil keputusan untuk tidak menyerahkan ibu muda kepada pihak polis.  
**Secara konklusi** , pekedai bertindak sedemikian kerana dia mempertimbangkan nasib ibu muda dan keluarganya jika dia dijatuhi hukuman penjara.

Sebagai tindakan kedua , **pekedai harus beri amaran tegas kepada ibu muda**. Pekedai perlu serius tidak akan berkompromi lagi jika ibu muda ulangi kesalahan yang serupa pada masa depan.  
Selain itu , pekedai harus mengambil kira keperluan ibu muda atas dasar perikemanusiaan dan perasaan empati.  
**Misalnya** , pekedai boleh membekalkan barangan keperluan asas untuk ibu muda dengan bayaran ansuran mudah yang sangat fleksibel berserta dengan tawaran peluang kerja kepada ibu muda tersebut.  
**Secara konklusinya** , pekedai tidak boleh berlembut dan harus bertindak dengan lebih keras jika ibu muda ulangi kesalahannya itu.

### Cadangan Jawapan

### ARAS 2 : CALON LULUS

- (a) Pekedai amalkan **nilai rasional** dan **nilai bertanggungjawab**.
- (b) Tindakan pertama , **pekedai ikut prinsip keprihatinan adalah maafkan ibu muda secara ikhlas**.  
Pekedai tunjuk sikap simpati dan tidak serahkan ibu muda kepada polis.  
  
Tindakan kedua , **pekedai lepaskan ibu muda dan beri amaran tegas**.  
Jika ibu muda ulang kesalahan sama nanti baru hantar kepada polis.

## PENGABAIAAN WARGA EMAS DAN HUBUNGAN DENGAN IBU BAPA

- 15 Petikan akhbar berikut berkaitan dengan pengabaian warga emas.



- (a) Apakah **perasaan** anda apabila membaca petikan akhbar tersebut? Berikan alasan anda. [2 markah]
- (b) Terangkan **cara-cara** yang boleh anda lakukan untuk mengeratkan hubungan dengan ibu bapa anda. [8 markah]

### Cadangan Jawapan

#### ARAS 4 : CALON CEMERLANG

- (a) **Saya berasa sedih.**  
 Ini kerana nasib warga emas tidak terbelas dan tidak diberi perhatian yang sewajarnya.
- (b) Cara pertama, **saya harus meluangkan masa berkualiti dengan ibu bapa saya.**  
 Saya harus luangkan masa untuk berbual dan bergurau senda dengan mereka. Saya harus mendengar luahan hati mereka.  
**Misalnya**, saya boleh berbual tentang isu sekolah, tentang kawan saya dan sebagainya.  
**Secara konklusinya**, inisiatif menghabiskan masa bersama ibu bapa dapat menjalin hubungan keluarga yang lebih harmoni.

Cara kedua, **saya harus meraikan hari istimewa bersama dengan ibu bapa saya.**  
 Sambutan hari istimewa merupakan satu aktiviti yang sememangnya dapat rapatkan hubungan kekeluargaan.  
 Selain itu, sambutan hari istimewa dapat memberi satu memori yang indah buat keluarga.  
**Antaranya**, hari lahir, hari ibu, hari bapa, hari ulang tahun perkahwinan dan hari perayaan harus saya sambut bersama ibu bapa saya.  
**Secara kesimpulannya**, mengingati dan menyambut hari istimewa dengan memberi hadiah dapat wujudkan perasaan dihargai dan ibu bapa suah tentu gembira.

### Cadangan Jawapan

#### ARAS 2 : CALON LULUS

- (a) **Saya rasa sedih.**  
 Ini kerana warga emas tidak dijaga dengan baik.
- (b) Cara pertama, **saya harus luangkan masa berkualiti dengan ibu bapa saya.**  
 Saya boleh makan bersama dengan ibu bapa saya.
- Cara kedua, **saya harus sambut hari istimewa bersama ibu bapa saya.**  
 Contoh hari lahir, hari ibu, hari bapa, hari ulang tahun perkahwinan dan hari perayaan.

## **KEUNIKAN RAKYAT MALAYSIA DAN CARA JAGA SENSITIVITI MASYARAKAT**

- 16 Keunikan kepelbagaian budaya rakyat Malaysia juga menjadi salah satu faktor tarikan pelancong ke negara ini. Namun begitu , dalam mempertahankan keunikan rakyat Malaysia ini , banyak cabaran yang perlu dihadapi demi keharmonian dan keamanan negara.
- (a) Namakan dua **pakaian tradisional** masyarakat berbilang kaum di Malaysia. [2 markah]
- (b) Bagaimanakah **cara** anda **menjaga sensitiviti masyarakat berbilang kaum di sekolah anda?** [8 markah]

### **Cadangan Jawapan**

### **ARAS 4 : CALON CEMERLANG**

- (a) Pakaian tradisional masyarakat Malaysia adalah baju kurung , sari dan cheongsam.
- (b) Cara pertama , **saya akan menerima dan menghargai keunikan semua kaum di sekolah saya.**  
Saya akan ambil inisiatif tingkatkan kefahaman tentang budaya pelbagai kaum. Pada masa yang sama , saya akan elakkan perasaan terlalu taasub terhadap kebudayaan sendiri.  
**Antara contoh** , langkah proaktif yang dapat saya ambil adalah menyertai aktiviti kebudayaan pelbagai kaum yang dianjurkan di sekolah saya.  
**Dengan ini** , saya dapat fahami, terima dan memuliakan budaya kaum lain.
- Cara kedua , **saya tidak harus memandang rendah terhadap adat atau kepercayaan kawan saya yang berlainan kaum.**  
Saya harus terima persamaan dan perbezaan budaya dan elakkan prasangka buruk.  
Saya boleh aplikasi sikap keterbukaan dalam berkongsi budaya kaum saya dengan kaum lain dan sebaliknya.  
**Sebagai contoh** , saya boleh memakai baju tradisional orang Melayu iaitu berbaju kurung ke majlis rasmi sekolah seperti sambutan bulan kemerdekaan dan hari Malaysia.  
**Dengan ini** , saya dapat eratkan keakraban dengan kawan-kawan saya daripada pelbagai kaum.

### **Cadangan Jawapan**

### **ARAS 2 : CALON LULUS**

- (a) Pakaian tradisional masyarakat Malaysia adalah baju kurung , sari dan cheongsam.
- (b) Cara pertama , **saya akan terima dan hargai kawan semua kaum di sekolah saya.**  
Saya akan sertai aktiviti kebudayaan pelbagai kaum di sekolah saya.
- Cara kedua , **saya tidak boleh pandang rendah adat atau kepercayaan kawan saya yang kaum lain.**  
Saya boleh pakai baju tradisional orang Melayu ke sekolah semasa sambutan hari kemerdekaan.

## LANGKAH ATASI AMALAN RASUAH DALAM KALANGAN MASYARAKAT

- 17 Gambar di bawah berkaitan dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia.



Amalan integriti dalam kalangan semua lapisan masyarakat memerlukan pegangan hidup yang berakauntabiliti, berwibawa dan patuh kepada undang-undang. Amalan ini amat penting supaya dapat menghindarkan masyarakat daripada terlibat dalam jenayah rasuah.

Huraikan **langkah-langkah** untuk mengatasi amalan rasuah dalam kalangan masyarakat agar amalan integriti dapat diterapkan dalam diri semua lapisan masyarakat. Hujah anda mestilah berdasarkan nilai-nilai universal yang dipelajari.

[10 markah]

### Cadangan Jawapan

#### ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Masyarakat harus amalkan nilai rasional , nilai bertanggungjawab , nilai kejujuran dan nilai harga diri.

Langkah pertama, **memberi pendidikan tentang amalan rasuah.**

Sejajar dengan ini , masyarakat perlu diberi pendedahan awal tentang bahaya gejala rasuah sejak di bangku sekolah.

Dengan ini , anak-anak akan belajar amalan berintegriti dan membenci rasuah walaupun baru berumur setahun jagung.

**Misalnya**, Kementerian Pendidikan Malaysia tetapkan pelaksanaan komponen Pendidikan Sivik untuk promosikan amalan integriti dalam kalangan masyarakat. **Jelaslah bahawa**, pendedahan awal melalui pendidikan di sekolah kerajaan dapat tangani gejala rasuah dalam kalangan golongan muda negara.

Langkah kedua, **memperkuatkuasakan undang-undang dan hukuman.**

Kerajaan harus mengenakan hukuman lebih berat terhadap pesalah rasuah.

Dengan ini , sekurang-kurangnya ia dapat menakutkan masyarakat untuk terlibat dalam kegiatan rasuah.

**Sebagai contoh** , kerajaan melalui SPRM dan Badan Kehakiman Negara harus memastikan pesalah rasuah dibicarakan dengan pantas dan dihukum tanpa mengira kedudukan mereka.

**Secara kesimpulannya** , tindakan undang-undang dan hukuman yang tegas akan mendorong masyarakat supaya menjauhi amalan rasuah.

### Cadangan Jawapan

#### ARAS 2 : CALON LULUS

Masyarakat harus amalkan nilai rasional , nilai bertanggungjawab , nilai kejujuran dan nilai harga diri.

Langkah pertama, **beri pendidikan tentang rasuah.**

Nanti murid-murid benci rasuah sejak di bangku sekolah.

Langkah kedua, **kuatkuasa undang-undang.**

Kerajaan harus beri hukuman lebih berat kepada pesalah rasuah.

## **LANGKAH MASYARAKAT GLOBAL DALAM MENJAMIN KELESTARIAN ALAM**

- 18 Menurut Kamus Dewan Edisi Keempat, lestari membawa maksud tidak berubah-ubah, kekal atau tetap. Oleh itu, bumi yang lestari dapat digambarkan sebagai persekitaran bumi yang kekal bebas daripada sebarang unsur kerosakan alam.

Jelaskan **langkah** yang boleh dilakukan oleh masyarakat global untuk menjamin kelestarian alam sekitar. [10 markah]

**Cadangan Jawapan**

**ARAS 4 : CALON CEMERLANG**

Langkah pertama, **masyarakat global harus mengorak langkah untuk mengamalkan pertanian bandar.**

Sejajar dengan ini, mereka boleh bercucuk tanam atau berkebun di halaman rumah sendiri.

Perlu diingatkan amalan pertanian bandar bukannya bermotifkan keuntungan sebaliknya hanya untuk menyokong keperluan makanan sendiri.

**Misalnya**, pertanian bandar mutakhir ini mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat bandar di negara kita untuk mendapatkan bekalan bahan makanan yang berkualiti dan selamat dimakan.

**Konklusinya**, langkah ini boleh dilihat sebagai amalan lestari yang mampu membawa hasil positif kepada masyarakat global.

Langkah kedua, **masyarakat global harus kurangkan kebergantungan terhadap bahan api fosil.**

Ini kerana, penggunaan bahan api fosil telah dikenalpasti sebagai punca utama pencemaran alam sekitar.

Tambahan pula, bahan api jenis ini mempunyai kandungan karbon tinggi yang berupaya menyumbang kepada pencemaran alam.

**Tamsilnya**, masyarakat global harus mula beralih kepada kenderaan mesra alam seperti kenderaan hibrid dan kenderaan elektrik.

**Intihanya**, tindakan masyarakat global ini dapat memastikan kelestarian alam sekitar terus terpelihara.

**Cadangan Jawapan**

**ARAS 2 : CALON LULUS**

Langkah pertama, **masyarakat global boleh amalkan pertanian bandar.** Mereka boleh tanam sayur di halaman rumah sendiri.

Langkah kedua, **masyarakat global harus kurangkan bahan api fosil.** Contoh guna kereta elektrik.

## BUDAYA HEDONISME DAN ISU KEDAULATAN

19 Gambar di bawah berkaitan dengan budaya hedonisme.



Huraikan kesan terhadap kedaulatan negara sekiranya budaya ini tidak ditangani. [10 markah]

Cadangan Jawapan

**ARAS 4 : CALON CEMERLANG**

Kesan pertama, generasi muda akan lupa tradisi dan norma masyarakat. Mereka mula mengagungkan budaya luar seperti budaya hedonisme. Mereka anggap budaya hedonisme hebat dan moden seiring dengan arus globalisasi. Antaranya , kunjungi pusat hiburan, berparti liar dan amalkan pergaulan bebas. Dengan ini , generasi muda akan tunjukkan perilaku bertentangan dengan norma masyarakat dan ini ancam maruah serta kedaulatan negara.

Kesan kedua, generasi muda akan hilang semangat cinta akan negara. Ini kerana mereka hilang jati diri dan sangat pentingkan keseronokan mutlak dengan kerap pergi ke pusat hiburan. Hal ini seterusnya mendorong mereka untuk melibatkan diri dalam penyalahgunaan dadah. Misalnya , golongan muda mula mengambil pil khayal tanpa kawalan sehingga alami kecelaruan mental. Secara kesimpulannya , penagihan dadah akan menghakis semangat sayangi tanahair dalam kalangan golongan muda yang merupakan bakal modal insan negara.

Cadangan Jawapan

**ARAS 2 : CALON LULUS**

Kesan pertama, generasi muda lupa tradisi dan norma masyarakat. Mereka mula agungkan budaya luar seperti budaya hedonisme.

Kesan kedua, generasi muda hilang semangat cinta kepada negara. Ini kerana mereka hilang jati diri dan seronok di pusat hiburan.

### CARA MENJAYAKAN PROGRAM KOMUNITI

- 20 Maklumat di bawah berkaitan dengan program komuniti yang dirancang oleh Rukun Tetangga kawasan perumahan Taman Bahagia untuk tahun 2022.

Bil	Jenis Program Komuniti	Aktiviti
1	Kelestarian Alam	Gotong-royong
2	Kesihatan	Derma darah dan saringan kesihatan
3	Riadah	Sukaneka dan majllis rumah terbuka perayaan

Huraikan bagaimana penduduk perumahan Taman Bahagia boleh menjayakan program komuniti di atas. [10 markah]

#### Cadangan Jawapan

#### ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Cara pertama, penduduk boleh mendaftarkan diri sebagai sukarelawan. Dengan menjadi sukarelawan, mereka dapat menyokong pelaksanaan program komuniti secara langsung.

Sejajar dengan ini, penduduk harus meluangkan masa dan menyumbangkan tenaga fizikal untuk menjayakan program komuniti.

Contohnya, penduduk boleh melibatkan diri dalam aktiviti gotong-royong membersihkan kawasan persekitaran taman perumahan mereka.

Kesimpulan, langkah menjadi sukarelawan dapat menjadi sumber inspirasi kepada penduduk yang lain untuk turut serta dalam program komuniti.

Cara kedua, penduduk boleh mempromosikan program komuniti.

Mereka harus menggalakkan anggota keluarga mereka untuk sertai program komuniti.

Selain itu, penduduk harus mempelawa rakan-rakan mereka untuk turut serta.

Misalnya, penduduk boleh menjemput ahli keluarga serta sahabat mereka untuk jayakan kempen derma darah melalui penggunaan aplikasi tik-tok.

Konklusinya, aktiviti promosi secara berkesan dapat merangsang penduduk keluar beramai-ramai untuk menderma darah.

#### Cadangan Jawapan

#### ARAS 2 : CALON LULUS

Cara pertama, penduduk boleh jadi sukarelawan.

Contoh, penduduk buat gotong-royong bersihkan taman perumahan mereka.

Cara kedua, penduduk boleh promosikan program komuniti.

Mereka harus panggil anggota keluarga dan rakan-rakan mereka untuk derma darah.

## CARA MENYOKONG HUBUNGAN ANTARABANGSA

21 Malaysia telah menjalinkan hubungan antarabangsa yang melibatkan hubungan dua hala dan hubungan pelbagai hala dengan negara-negara ASEAN.

(a) Beri maksud hubungan antarabangsa dalam konteks Malaysia. [2 markah]

(b) Sebagai warganegara Malaysia, jelaskan peranan yang boleh **anda lakukan untuk menyokong hubungan antarabangsa**. [10 markah]

### Cadangan Jawapan

### ARAS 4 : CALON CEMERLANG

(a) Usaha memupuk kesefahaman antara negara dengan negara lain untuk memenuhi keperluan dan memelihara kepentingan negara demi kemakmuran sejagat.

(b) Peranan pertama, saya boleh mengambil bahagian dalam program pertukaran pelajar.

Program pertukaran pelajar memberi peluang kepada saya untuk mengeratkan hubungan diplomatik dengan negara lain.

Melalui program ini, saya akan dianggap sebagai duta kecil yang mewakili Malaysia.

Sebagai contoh, pertukaran pelajar antara negara Malaysia dengan negara Amerika Syarikat penting agar negara kita boleh berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara maju.

Konklusinya, menerusi program sebegini Malaysia dapat rapatkan hubungan dua hala dengan negara lain.

Langkah kedua, saya boleh jalinkan hubungan dengan masyarakat global melalui media sosial.

Media sosial dapat memberi satu dimensi baru dalam bersosial antara manusia merentasi sempadan negara.

Saya boleh berkomunikasi dan membina jaringan serta jalinan hubungan baik di peringkat global.

Tamsilnya, saya boleh membuat video pendek atau montaj untuk menghebohkan keunikan Malaysia kepada rakan antarabangsa saya.

Intihanya, saya harus eksploitasi media sosial secara kreatif dan inovatif untuk jalin hubungan baik dengan masyarakat antarabangsa.

### Cadangan Jawapan

(a) Usaha memupuk kesefahaman antara negara dengan negara lain untuk memenuhi keperluan dan memelihara kepentingan negara demi kemakmuran sejagat.

(b) Peranan pertama, saya boleh ambil bahagian dalam program pertukaran pelajar. Program ini beri peluang kepada saya untuk eratkan hubungan diplomatik dengan negara lain.

Langkah kedua, saya boleh jalinkan hubungan dengan masyarakat global melalui media sosial.

Melalui media sosial, saya dapat mudah berkomunikasi dengan kawan dari negara lain.

## **KESAN PENGABAIAAN KERJASAMA DALAM MASYARAKAT GLOBAL**

22 Gambar di bawah menunjukkan kerjasama dalam kalangan masyarakat global.



Jelaskan **kesan pengabaian sikap kerjasama dalam kalangan masyarakat global** berdasarkan nilai universal. [10 markah]

### **Cadangan Jawapan**

### **ARAS 4 : CALON CEMERLANG**

Masyarakat global perlu amalkan nilai kerjasama , nilai rasional , nilai hormat , nilai toleransi dan nilai bertanggungjawab.

**Kesan pertama, keselamatan masyarakat global tidak terjamin.**

Lazimnya , sesebuah negara akan sedia berganding bahu dengan negara-negara jiran dalam aspek keselamatan dan pertahanan jika wujud hubungan baik antara negara. Jika aspek ini diabaikan , maka negara jiran tidak akan tampil ke depan untuk berkongsi maklumat risikan mengenai perkara yang boleh ancam keselamatan negara.

**Sebagai contoh**, serangan pengganas ke atas Pusat Dagangan Dunia (WTC) di Amerika Syarikat dan sebagainya tidak dapat dielakkan.

**Konklusinya**, pengabaian hidup berbaik-baik bersama negara lain boleh mengakibatkan masyarakat berpecah belah dan ini ancam keselamatan mereka.

**Kesan kedua, pembangunan ekonomi terbantut.**

Lazimnya , sesebuah negara dapat meningkatkan peluang perdagangan , pelaburan asing dan meluaskan pasaran barangan mereka ke negara lain jika wujud ikatan persahabatan yang baik antara negara.

Jika aspek ini diabaikan , maka negara lain tidak akan berurusniaga dan tidak akan hulurkan bantuan kepada negara kita dalam aspek ekonomi.

**Tamsilnya** , ekonomi negara kita akan terjejas jika hubungan negara kita dengan Indonesia , Vietnam dan Myanmar renggang kerana negara kita amat bergantung kepada bekalan tenaga buruh asing daripada negara-negara yang berkenaan.

**Intihanya** , kelancaran aktiviti ekonomi negara kita boleh terganggu jika kita enggan berganding bahu dengan negara lain.

### **Cadangan Jawapan**

### **ARAS 2 : CALON LULUS**

Masyarakat global perlu amalkan nilai kerjasama , nilai rasional , nilai hormat , nilai toleransi dan nilai bertanggungjawab.

**Kesan pertama, keselamatan masyarakat global terjejas.**

**Sebagai contoh**, serangan pengganas ke atas Amerika Syarikat.

**Kesan kedua, ekonomi negara terjejas.**

Nanti negara lain tidak mahu berniaga dengan negara kita.

### CARA MENINGKATKAN NILAI KEROHANIAN

- 23 Gambar di bawah menunjukkan isu pengabaian ibu bapa yang tua dan uzur.



Kejadian seperti keratan berita di atas sering terpampang dalam akhbar tempatan.

- (a) Jelaskan **perasaan** anda apabila membaca berita sebegini. [2 markah]

Insiden ini sering dikaitkan dengan kekurangan nilai kerohanian dalam ahli keluarga warga emas tersebut.

- (b) Bincangkan **cara-cara seseorang individu dapat meningkatkan nilai kerohanian**. [8 markah]

#### Cadangan Jawapan

#### ARAS 4 : CALON CEMERLANG

- (a) Saya berasa sedih.  
Ini kerana anak-anak tidak hargai jasa serta pengorbanan ibu bapa.
- (b) Cara pertama, **individu harus menjadikan ajaran agama sebagai panduan hidup**. Individu perlu amalkan tuntutan agama yang mewajibkan setiap anak menjaga kedua-dua ibu bapanya.  
Selaras dengan ini, anak-anak perlu mengutamakan hal-ehwal kebajikan ibubapa mereka.  
**Misalnya**, anak-anak perlu meluangkan masa bersama ibu bapa mereka dan pastikan semua keperluan mereka dipenuhi sebaik mungkin.  
**Kesimpulan**, anak-anak mesti penuhi tuntutan agama dengan jaga ibu bapa sebagaimana mereka membesarkan kita.

Cara kedua, **individu mesti mentaati ibu bapa mereka**.

Anak-anak harus bersikap baik terhadap ibu bapa.

Anak-anak harus beri layanan sopan, tidak menyebabkan ibu bapa berkecil hati dan sentiasa cuba untuk menggemirakan hati mereka.

**Sebagai contoh**, anak-anak harus menyambut hari istimewa bersama ibu bapa mereka seperti hari lahir, ulang tahun perkahwinan, hari ibu bapa dan hari perayaan.

**Konklusinya**, anak-anak harus bersikap taat setia dan harus elakkan diri daripada menjadi anak derhaka.

#### Cadangan Jawapan

#### ARAS 2 : CALON LULUS

- (a) Saya sedih.  
Ini kerana anak-anak tidak hargai jasa ibu bapa.
- (b) Cara pertama, **individu harus ikut ajaran agama**.  
Semua agama wajibkan anak jaga ibu bapa bila tua.

Cara kedua, **individu mesti taat kepada ibu bapa mereka**.

Anak-anak harus beri layanan sopan dan gembirakan ibu bapa.

## KEPRIHATINAN DAN ISU KELDAI DADAH

24 Informasi berikut menunjukkan isu keldai dadah.



Berdasarkan informasi di atas, **bagaimana pesalah** sebegini sepatutnya **diadili mengikut prinsip keprihatinan**? Berikan pendapat anda.

Huraikan jawapan anda berlandaskan **nilai-nilai universal** yang telah dipelajari.

[10 markah]

Cadangan Jawapan

### ARAS 4 : CALON CEMERLANG

Hakim harus amalkan nilai rasional, nilai kejujuran, nilai kasih sayang dan nilai bertanggungjawab.

Cara pertama, **pesalah diadili mengikut prinsip keprihatinan adalah dengan tidak menjatuhkan hukuman mati.**

Ini kerana, hakim harus elakkan pesalah daripada menjadi mangsa keadaan. Hakim patut prihatin dengan situasi pesalah yang mungkin telah dianiayai atau ditipu oleh sindiket.

**Misalnya**, hakim boleh ganti hukuman mati dengan hukuman penjara seumur hidup.

**Secara konklusi**, hakim harus elakkan pemberian hukuman mati atas dasar perikemanusiaan.

Cara kedua, **pesalah harus dibenarkan untuk membela diri jika mereka telah dianiayai atau ditipu oleh sindiket.**

Dalam hal ini, hakim telah membuat pengadilan dengan menunjukkan perasaan simpati dan empati.

Sejajar dengan ini, hakim boleh syorkan pesalah memohon konsultasi daripada badan kehakiman untuk dapatkan solusi.

**Misalnya**, pesalah boleh mohon e-konsultasi yang sediakan nasihat guaman secara percuma kepada golongan B-40.

**Secara konklusinya**, kes keldai dadah yang tertipu akibat muslihat sindiket harus diberi peluang untuk dapatkan pembelaan.

Cadangan Jawapan

### ARAS 2 : CALON LULUS

Hakim harus amalkan nilai rasional, nilai kejujuran, nilai kasih sayang dan nilai bertanggungjawab.

Cara pertama, **pesalah diadili ikut prinsip keprihatinan dengan tidak beri hukuman mati.**

Hakim boleh ganti hukuman mati dengan hukuman penjara seumur hidup.

Cara kedua, **pesalah harus dibenarkan untuk membela diri mereka jika ditipu oleh sindiket.**

Hakim mesti tunjukkan perasaan simpati kepada keldai dadah.

### **CIRI TADBIR URUS YANG BAIK**

25 Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri tadbir urus yang baik.

#### **CIRI TADBIR URUS YANG BAIK**

- Fokus kepada pelanggan
- Beretika
- Ketelusan
- Akauntabiliti dan integriti
- Efektif dan efisien
- Pengurusan perubahan

Bagaimanakah Malaysia mengamalkan ciri tadbir urus yang baik demi pembangunan negara?

Jawapan anda hendaklah berdasarkan nilai universal yang dipelajari. [10 markah]

#### **Cadangan Jawapan**

#### **ARAS 4 : CALON CEMERLANG**

Rakyat Malaysia perlu amalkan nilai kejujuran, nilai bertanggungjawab, nilai harga diri dan nilai rasional.

Ciri pertama, adalah agensi kerajaan **memberi fokus kepada pelanggan.**

Ini bermakna agensi kerajaan harus melaksanakan tugas memenuhi keperluan rakyat selaku pelanggan.

Dalam hal ini, agensi kerajaan perlu sentiasa menambahbaik perkhidmatan kepada rakyat secara berterusan berpandukan piagam pelanggan demi meningkatkan kepuasan mereka.

**Misalnya**, kerajaan telah membentuk Pusat Transformasi Bandar (UTC) dan Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) untuk memastikan rakyat mudah akses kepada perkhidmatan kerajaan.

**Secara kesimpulan**, langkah mengutamakan pelanggan seumpama ini mampu memperoleh pengiktirafan daripada rakyat.

Ciri kedua, adalah penjawat awam harus **beretika ketika menjalankan tugas.**

Semua penjawat awam perlu mengamalkan etika kerja Islam yang berorientasikan 'kerja sebagai ibadah' dan menjunjung tinggi nilai-nilai murni semasa bertugas.

Amalan ini boleh membantu penjawat awam mengawal tingkah laku mereka dan menghindari amalan yang boleh menjejaskan sistem pentadbiran negara.

**Sebagai contohnya**, amalan rasuah, penyelewengan dan boros dalam penggunaan sumber negara dapat dielakkan jika penjawat awam menjiwai prinsip-prinsip Islam Hadhari yang diwar-warkan oleh pihak kerajaan.

**Intihanya**, penjawat awam yang beretika dapat memantapkan sistem penyampaian kerajaan secara berkesan.

#### **Cadangan Jawapan**

#### **ARAS 2 : CALON LULUS**

Rakyat Malaysia harus amalkan nilai rasional, nilai bertanggungjawab, nilai kejujuran dan nilai harga diri.

Ciri pertama, kerajaan **beri fokus kepada pelanggan.**

Kerajaan perlu beri servis baik kepada rakyat.

Ciri kedua, pegawai kerajaan mesti **beretika semasa buat kerja.**

Mereka mesti elakkan amalan rasuah.